

Potongan KWSP bagi pekerja pada 9 atau 11 peratus

Pencarum diberi pilihan

BH 18 APR 2001

Seksyen 43(4) Akta KWSP menyatakan bahawa pekerja boleh pada bila-bila masa memilih untuk membayar caruman pada kadar yang melebihi kadar yang dikanunkan

Oleh Kadir Dikoh, Mona Ahmad dan Johan Afandi

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan memutuskan untuk memberi pilihan kepada pekerja sama ada mahu mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus atau mengekalkan kadar caruman asal mereka.

Keputusan itu yang diumumkan Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini, adalah selaras dengan peruntukan Akta KWSP.

“Kerajaan yakin keputusan hari ini yang memberi pilihan kepada pekerja untuk membuat caruman masing-masing akan disambut baik oleh pekerja di seluruh negara,” kata kenyataan itu.

Seksyen 43(4) akta itu menyatakan bahawa pekerja boleh pada bila-bila masa memilih untuk membayar caruman pada kadar yang melebihi kadar yang dikanunkan.

Cadangan kerajaan untuk mengurangkan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11 peratus kepada sembilan peratus diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat, 27 Mac lalu.

Ia adalah satu langkah awal untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi perniagaan tempatan berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang menjadi rakan dagang uta-

ma Malaysia.

Sementara itu, ketika diminta mengulas pengumuman berkenaan, Perdana Menteri berkata sesetengah pihak sebelum ini tidak puas hati dengan langkah pengurangan dua peratus itu.

“Mereka nak berpiket dan sebagainya. Piket apa?... cakap saja tidak mahu menyumbang sudah atau jika nak bayar lebih, lebih dua peratus... tak jadi masalah,” katanya selepas merasmikan kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM) di Gombak, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, jika pekerja tidak mahu langkah pengurangan kadar caruman itu, mereka boleh membayar lebih dan kerajaan tidak boleh menyekat hasrat mereka.

Katanya, peruntukan dalam akta KWSP membenarkan mereka untuk membayar lebih.

Mengikut keperluan berkanun, pekerja menyumbang 11 peratus

LIHAT MUKA 2

kepada KWSP, manakala 12 peratus lagi sumbangan majikan bagi pihak pekerja.

Bagaimanapun, pekerja boleh meminta gajinya dipotong sehingga maksimum 15 peratus sebagai caruman kepada KWSP.

"Kita ada peruntukan. Kalau hendak bayar lebih daripada yang ditentukan oleh undang-undang, dia boleh. Jadi kalau rasa dia patut bayar 11 peratus, bayar 11 peratus... lebih daripada itu pun tak apa.

"Kerajaan tak terjejas... kalau dia nak bayar 11 peratus ke, 12 peratus ke... tak apa, kita kutip. Ini untuk masa depan dia," katanya.

Mengenai kemungkinan kerajaan akan meminta pekerja membuat caruman sehingga kadar maksimum 15 peratus, beliau berkata jika ini dilakukan, ia akan mendapat bantahan dan mereka akan meminta kadar itu diturunkan pula.

Ditanya sama ada beliau yakin orang ramai akan memilih untuk memberi sumbangan 11 peratus berbanding pilihan sembilan peratus, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, mungkin tidak ramai yang akan memilih kadar 11 peratus itu.

"Saya fikir tak ramai, tak ramai yang akan buat macam tu (pilihan caruman 11 peratus). Orang lain yang nak sumbang sembilan peratus, kita tak payah paksa. Tetapi, kalau dia nak kebebasan untuk membayar lebih, itu boleh, tak jadi masalah," katanya.

Sebenarnya, kata beliau, langkah yang diumumkan kerajaan untuk mengurangkan caruman sebanyak dua peratus kepada sembilan peratus sebelum ini, adalah berbentuk sementara.

"Bukan selama-lamanya... ini adalah langkah sementara. Kadang-kadang dia minta ambil duit (daripada KWSP), buat belanja itu, belanja ini, lebih banyak lagi. Dia nak beli komputer, lepas itu tak beli komputer, dia belanja duit itu lebih banyak lagi.

"Beri saja peluang untuk keluarkan duit caruman, dia keluarlah," katanya merujuk kepada sikap setengah pencarum yang lebih gemar mengeluarkan wang caruman, tetapi di-

belanjakan secara tidak berfaedah serta membuat penipuan kononnya pengeluaran untuk membeli komputer.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, berkata pihaknya menyambut baik keputusan kerajaan memberikan pilihan kepada pekerja mengenai caruman mereka dalam KWSP.

"Daripada kajian MTUC, kami dapati hampir semua pekerja tidak bersetuju caruman dalam KWSP mereka dikurangkan berikutan ia adalah bagi tujuan simpanan masa depan," katanya.

Beliau berkata, dalam mesyuarat jawatankuasa kerja MTUC pada 6 April lalu, majoriti jawatankuasa tidak bersetuju dengan pemotongan caruman itu.

"Tujuan utama kerajaan adalah supaya pekerja dapat menggunakan jumlah potongan itu untuk berbelanja, bagaimanapun jika gaji rendah, apalah sangat dengan dua peratus itu.

"Jika kerajaan benar-benar ikhlas mahu rakyat berbelanja untuk merencanakan ekonomi, MTUC mencadangkan supaya elaun bantuan khas sebanyak RM50 diberikan kepada pekerja yang bergaji RM1,000 ke bawah," katanya.

Beliau juga meminta mana-mana pekerja yang tidak bersetuju dipotong caruman mereka, tetapi majikan tetap berbuat demikian supaya menulis surat aduan kepada pihak pengurusan dan KWSP.